

<b>Headline</b>	Projek Linkages rapatkan hubungan dua generasi		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Malaysia		
<b>Date</b>	25 Aug 2014	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Supplement	<b>Circulation</b>	178,211
<b>Page No</b>	10,11	<b>Readership</b>	534,633
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	1594 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	LAUPA JUNUS	<b>AdValue</b>	RM 31,793
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 95,379



# Projek *Linkages* rapatkan hubungan dua generasi

Bantu pupuk percambahan idea, kreativiti dan hargai budaya menerusi teknologi digital

Oleh LAUPA JUNUS

**S**ELEPAS kejayaan program *Kongsi Cerita* bertemakan *Menghubungkan Pengalaman Lalu Ke Arah Kesejahteraan Akan Datang*, Persatuan Inovasi dan Kreativiti Malaysia (MACRI) meneruskan projek *Linkages* mereka iaitu proses berkongsi cerita dengan generasi muda.

Sebelum ini, program tersebut diadakan melibatkan generasi warga emas yang berkongsi petua dalam kehidupan dan tip untuk dijadikan panduan.

Sesuai dengan namanya, ia menghubung atau merapatkan hubungan atau jurang antara generasi muda dan golongan lebih berusia berbanding mereka menerusi pewarisan petua dan panduan hidup.

Memetik kata-kata Presiden MACRI, Datuk Shaikh Sulaiman Ismail dalam buku khas *Connecting Past to Future : Project Linkages Mission, Journey and Outcomes* bahawa projek berkenaan untuk memenuhi dan menghargai pengetahuan mereka yang lebih berusia untuk dikongsi



MARZALINA MANSOR

dengan generasi muda.

“Hubungan dan perkongsian cerita ini penting dalam era ini,” ujarnya.

Terbaru projek *Linkages* menjadikan alam sekitar dan tumbuh-tumbuhan sebagai medium perkongsian petua dan khasiatnya kepada golongan tersebut.

Dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), projek *Linkages* kali kedua yang diadakan baru-baru ini memberi peluang generasi muda mewawancara atau berkongsi cerita dengan pakar berkaitan khasiat tumbuhan-tumbuhan hutan dari FRIM.

Sejarah dengan matlamat utama program iaitu menggalakkan generasi muda supaya sentiasa berinteraksi dengan golongan yang berpengalaman, pada program kali ini, sekumpulan generasi muda terpilih dibawa ke persekitaran FRIM dan diberi petua mengenai khasiat tumbuhan hutan dan herba.

Menurut Pengarah Projek *Linkages*, Datuk Dr. Marzalina Mansor, konsep



MOHD Kafi Jaapar berkongsi cerita mengenai khasiat herba di FRIM, Kepong..



PESERTA dan fasilitator mengabadikan kenangan pada program *Linkages* di Kepong baru-baru ini.

<b>Headline</b>	<b>Projek Linkages rapatkan hubungan dua generasi</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Date</b>	<b>25 Aug 2014</b>	<b>Circulation</b>	<b>178,211</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Readership</b>	<b>534,633</b>
<b>Page No</b>	<b>10,11</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1594 cm<sup>2</sup></b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 31,793</b>
<b>Journalist</b>	<b>LAUPA JUNUS</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 95,379</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>		

## Apa kata mereka

**Seronok** dapat merasai pengalaman dalam suasana hutan dan mengetahui nilainya

- CAMILLA GRIFFITH.

25, Itali



**Dapat belajar** tentang kepentingan penjagaan alam sekitar dan berharap kita buka minda dan bersyukur

- NADIRAH AFIQAH SADALI,

18, Kepong



**Bagus untuk** kita belajar daripada mereka yang lebih berpengalaman dan amalkan

- AMEESHAJEET KAUR.

14, SMK Kepong



**Ini cara** menurunkan ilmu kepada pewaris supaya kita boleh mengekalkan warisan flora dan fauna

- NICHOLAS RAY A/L

RAYAPPAN THOMAS.

14, SMK Kepong



perkongsian cerita itu diper mudahkan dengan membagikan peserta kepada beberapa kumpulan dan diketuai oleh mentor atau fasilitator.

"Mereka berkongsi pengetahuan tradisi mengenai khasiat tumbuhan herba kepada peserta iaitu generasi muda dan merakam sesi tersebut menggunakan perakam video selama tiga minit," katanya

Program tersebut dihadiri kira-kira 100 peserta terdiri daripada kalangan pelajar sekolah, kolej, universiti dan persatuan belia dan dirasmikan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd Latif Mohomed,

Marzalina yang juga Bendahari Kehormat MACRI dan Pengarah Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Korporat FRIM berkata, pemenang yang dipilih berdasarkan kreativiti masing-masing dan menerima hadiah lumayan.

Mereka boleh dianggap bertuah kerana menerima ilmu daripada pakar secara percuma mengenai khasiat tumbuhan tumbuhan herba.

Turut berkongsi pengalaman ialah tetamu jemputan, Anthony Chopping yang merupakan pembikin filem National Geographic. Chopping juga berkongsi pengalaman pengembaraan dan inspirasi semasa membuat rakaman dan penggambaran di Hutan Kepulauan



Pasifik Selatan lebih 15 tahun lalu.

Beliau juga pengasas Binumi Innovative Video Platform yang membolehkan penggunaannya membuat pelbagai video menghantar mesaj cerita mereka melalui teknik memotong imej visual.

Bagi Ramesh Pillai yang juga Setiausaha Kehormat MACRI, FRIM dipilih kerana lokasinya yang sesuai selain khazanah

hutan yang dimiliki boleh dijadikan inspirasi kepada perkongsian cerita.

"Program ini juga bertujuan membantu mempromosikan FRIM yang merupakan Warisan Kebangsaan Malaysia melalui video," ujarnya.

Sementara itu seorang daripada fasilitator, Amilla Bah Azmi, 21, seorang pembantu am di Cawangan Perhutanan Sosial FRIM berkata, beliau berkongsi pengalaman bagaimana nenek moyangnya menggunakan tumbuhan tertentu untuk merawat penyakit.

"Dia yang berasal dari suku Semai dari Kampung Ulu Groh, Gopeng, Perak berkata, penggunaan daun lebak dan putik pinang dalam rawatan penyakit antara yang wajar dikongsi."

"Daun pokok ini dahulunya kena cari dalam hutan, Jadi susah juga untuk mendapatkannya," ujarnya.

Raan sejahteranya Mohd Kafi Jaapar berkata, dia berkongsi cerita bagaimana merawat masalah patung tulang atau patah tangan.

"Mungkin ada yang tidak kenal pokok tembaga suasa yang banyak digunakan untuk penyakit seperti itu," katanya.

Beliau juga berpendapat, generasi muda wajar diberi pendekadhan pengetahuan tradisional supaya mereka lebih menghargai khasiat khazanah hutan.



SEORANG fasilitator, Hor Boon Hor (kanan) berkongsi cerita mengenai sejenis herba di Kepong.

## Pertandingan video sempena Hari Merdeka

SEMPENA sambutan hari Merdeka dan Hari Malaysia, MACRI menganjurkan Pertandingan Video Projek Linkages yang merupakan pertandingan video dan multimedia merakam apa juga petua atau pengetahuan inovatif dari warga emas.

Menurut Setiausaha Eksekutif MACRI, Ramesh Pillai, peserta boleh menjadi kisah atau panduan berguna daripada kalangan orang tua yang berpengetahuan luas dan berpengalaman.

"Matlamat pertandingan ialah penemuan semula ilmu dan panduan berguna daripada warga emas.

"Projek ini juga bertujuan untuk menggalakkan peserta untuk berkreatif dan menghargai bakat mereka melalui ganjaran insentif dan wang tunai," katanya memberitahu pertandingan tersebut disasarkan kepada belia dan warga emas.

Pertandingan memfokuskan penyampaian idea yang kreatif atau penceritaan yang menarik oleh warga emas yang menyentuh aspek tradisi, warisan, budaya atau petua yang merangsang dan memberi inspirasi bagi generasi muda.

Pertandingan Video ini juga berhasrat memberi penghargaan kepada warga emas sempena Hari Merdeka dan Hari Malaysia 2014 yang bertema "Malaysia - Di sini Lahirnya Sebuah Cinta".



RAMESH PILLAI

## Objektif program

- Memupuk budaya berfilik dan sifat ingin tahu dalam kalangan belia untuk menimba ilmu dari generasi tua yang sangat berilmu dan berpengalaman.
- Menggalakkan penggunaan aplikasi teknologi digital terkinin dalam penghasilan kandungan kreatif.
- Peserta boleh meneroka banyak peluang yang boleh menjana pendapatan daripada industri digital dan kreativiti.

### Hadiat dan insentif:

- Tempat pertama: RM5,000
- Saguhati: Lima penerima RM1,000.
- Tarikh tutup pernyataan: 31 Ogos 2014
- Para pemenang juga berpeluang untuk melayakkkan diri memohon geran dari dana pembangunan kandungan kreatif.
- Sebarang pertanyaan layar laman sesawang: [www.linkages.my](http://www.linkages.my)
- e-mel: [hello@linkages.my](mailto:hello@linkages.my)
- Facebook: [www.fb.com/projectlinkages](http://www.fb.com/projectlinkages)